

**Malaysia Kini Galas Penampilan Sebagai Negara Maju - Dr Mahathir  
Bernama  
3 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Malaysia kini menggalas penampilan sebagai sebuah negara dan wawasan pembangunannya dilaksanakan dengan jelas secara berperingkat, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata walaupun wawasan Malaysia mungkin tidak sesuai untuk semua negara, terdapat beberapa elemen yang boleh diguna pakai oleh semua yang berhasrat menjadi negara maju.

"Saya percaya salah satu punca pemberontakan di negara Arab ialah kegagalan kerajaan menjaga keperluan rakyat," katanya dalam ucapan beliau bertajuk "Vision in the Development of a Nation" di Forum Ketiga Kumpulan Pemikir Anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) di Baku, Azerbaijan.

Dr Mahathir berkata keperluan paling utama di sesebuah negara ialah pekerjaan untuk memperoleh pendapatan stabil bagi menyara kehidupan yang baik, dan pertanian tidak mampu mewujudkan peluang mencukupi berbanding industri.

Beliau berkata sebuah negara maju mesti mempunyai infrastruktur yang baik, tenaga kerja terlatih serta berpendidikan, golongan kelas pertengahan yang besar selain keupayaan dalam bidang industri dan teknologi.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=649763>